info usahawan

issue 1/21

nota minda masmed

penjenamaan semula

fenomena zamsaham

elon musk.

VISIONARI MEREVOLUSI DUNIA

ISSN 1823-6421

Ancaman Kepada Rekod Kewangan

Bahagian ke 7

Ahmad Azman Mohamad Ramli
Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Negeri Sembilan

image by pexels from pixabay

Pada edisi yang lepas, penulis telah membincangkan tentang dua jenis ancaman yang membahayakan rekod kewangan yang dimiliki oleh para usahawan. Ancaman-ancaman tersebut ialah makhluk perosak dan juga manusia. Artikel kali ini akan menyambung perbincangan tersebut dengan memberi tumpuan kepada satu lagi jenis ancaman iaitu serangan perisian. Serangan jenis ini merbahaya terhadap rekod kewangan kerana ianya akan menyerang rekod kewangan elektronik yang wujud dalam format Microsoft Words, Microsoft Excel, Microsoft Power Point dan sebagainya yang ada dalam sistem komputer.

Secara ringkasnya, perisian merbahaya terhadap sistem komputer merujuk kepada program komputer yang dicipta oleh seseorang dengan niat jahat. Para usahawan perlu berhati-hati kerana perisian merbahaya komputer ini apabila menyerang sesuatu sistem komputer, ianya boleh menganggu kelancaran perniagaan seperti melambatkan perjalanan sistem komputer, memusnahkan dokumen kewangan elektronik, menutup sistem komputer peribadi yang sedang berfungsi dan menyebabkan perisian sistem komputer tidak berfungsi dengan baik. Contoh perisian merbahaya komputer itu ialah seperti virus komputer, cecacing (worms), kuda trojan (trojan horses) dan logic bombs. Perisian-perisian merbahaya ini adalah jenis berjangkit kerana ianya boleh merebak dari satu komputer ke satu komputer yang lain melalui rangkaian komputer atau melalui perkongsian media penyimpanan yang telah dijangkiti seperti cakera liut, removal hardisk, flash memory devices dan sebagainya.

Bagaimanapun, perisian-perisian merbahaya ini tidak boleh menyebabkan kerosakan penuh kepada sistem komputer. Contohnya, ia tidak boleh merosakkan peralatan komputer seperti monitor, papan kekunci dan processor. Perisian tersebut juga tidak boleh merosakkan kesemua rekod elektronik kewangan yang terdapat dalam sesuatu sistem komputer.

Di antara kaedah yang boleh digunakan oleh para usahawan untuk melindungi rekod kewangan elektronik dari ancaman perisian merbahaya ialah dengan menggunakan perisian perlindungan (antivirus) seperti dalam Rajah 2. Perisian ini perlu dimasukkan ke dalam sistem komputer untuk mendapatkan perlindungan. Apabila perisian ini sudah berada dalam sistem komputer, ia akan mengesan, mengkuarantin atau memusnahkan perisian-perisian merbahaya yang berada di dalam sesuatu sistem komputer. Bagaimanapun, untuk mendapatkan perlindungan yang maksimum, perisian ini perlu sentiasa dikemaskini daripada laman sesawang syarikat pengeluar perisian tersebut.

Bersambung di keluaran hadapan